



TUNGGAKAN sewa beri kesan terhadap penyelenggaraan dan pengurusan kemudahan untuk masyarakat di kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

TUNGGAKAN SEWA PPR, PA KENDALIAN DBKL

Hutang cecah **RM70j**

Kuala Lumpur

Tunggakan sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini mencecah RM70 juta.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif berkata, tunggakan itu memberi kesan terhadap penyelenggaraan dan pengurusan kemudahan untuk ma-

syarakat di kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan berkenaan.

Beliau berkata, pihak DBKL mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan tunggakan antaranya mengunci bekalan air, mengeluarkan notis, menganjurkan program advokasi kewangan dan mewujudkan pelan rundingan pembayaran untuk penyewa.

"Langkah ini penting supaya hasil kutipan sewa

dapat dikembalikan kepada penduduk dalam bentuk perkhidmatan yang lebih baik," katanya ketika menghadiri Program Kesejahteraan Komuniti Bandar Selamat PPR Bestari di sini, kelmarin.

Maimunah juga berkata, DBKL sedang mempertimbang untuk menjual unit-unit PPR dan PA kepada penyewa yang mempunyai kemampuan kewangan.

"Memang pada 2015 te-

lah ada satu keputusan untuk membekukan (penjualan) namun saya telah melihat semula keputusan itu dan jika penyewa betul-betul ada kemampuan, kita boleh menjualnya," katanya.

Terdahulu, beliau menjawab pelbagai soalan yang diajukan oleh orang ramai ketika sesi dialog awam dalam program itu, antaranya berhubung isu sampah, trafik dan penyalahgunaan dadah.